

PAS, DAP BAWA HURU HARA DAN PERPECAHAN — PM

UM 16 MAR 1985

KANGAR 15 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyelar keras sikap dua buah parti pembangkang di negara ini yang tidak mempunyai kerja lain melainkan cuba menimbulkan huru hara dan perpecahan di kalangan rakyat.

Pengerusi Barisan Nasional berkata, kalau masyarakat bukan Melayu terpaksa berhadapan dengan berbagai tindak tanduk dari parti DAP, maka masyarakat Melayu pula menghadapi muslihat dari parti PAS, dan keduanya hanya atas matlamat serupa untuk mencari kepentingan sendiri.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa berucap di majlis jamuan makan malam meraikan lawatan seharinya ke Perlis yang dihadiri oleh semua ahli parti komponen Barisan Nasional di rumah tetamu di sini malam tadi. Turut hadir Menteri Besar,

Datuk Ali Ahmad dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, sebenarnya negara ini ingin mencapai kemajuan melalui perpaduan di antara setiap lapisan rakyat, tetapi yang menyedihkan, ramai pula orang lain suka mengeluarkan cerita kononnya Malaysia mempunyai banyak masalah dan di antaranya masalah perkauman.

Tegas beliau, walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil, tetapi ianya kini sedang pesat membangun dengan membawa amalan demokrasi sebenarnya untuk memberi hak serta kebebasan kepada seluruh rakyat.

“Tetapi apa pun hak yang diberi hendaklah diguna secara bijak kerana jika seseorang itu tidak bijak menggunakan hak yang diberikan kepadanya, sudah tentu akan meninggalkan

kesan amat buruk, sebagaimana kanak-kanak kecil diberi hak memiliki pisau, tetapi kerana tidak tahu dan menyalahgunakan hak, pisau itu akan melukakan diri sendiri dan orang lain,” ujar Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, dengan hak dan kebebasan yang diberi kepada rakyat haruslah diteliti dan fikirkan secara mendalam untuk menggunakannya, supaya ianya tidak digunakan secara tidak bertanggungjawab hingga akhirnya mencederakan diri sendiri.

Dalam hubungan ini, beliau menasihatkan para pemimpin parti politik di negara ini berhati-hati menggunakan hak yang diberikan kepada mereka, tanpa cuba menggunakan isu-isu perkauman atau perbezaan agama kerana ini semua akan membawa kehancuran.

Perdana Menteri berkata,

dalam sebuah negara demokrasi, Malaysia membenarkan wujudnya parti pembangkang untuk memainkan peranan sebagai pembangkang yang jujur. “Dan bagi saya memikirkan parti pembangkang adalah penting untuk mengelak kita dari lalai.”

“Tetapi tugas pembangkang bukan pula hanya mencari kesalahan orang, sebaliknya lebih wajar bagi mereka membetulkan sesuatu yang mungkin tersilap, kerana kerajaan sendiri dianggotai oleh manusia biasa yang tidak dapat lari dari kesilapan,” ujarnya.

Bagaimanapun, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, buat masa ini, beliau belum melihat lagi parti pembangkang yang benar-benar memainkan peranan sedemikian, tetapi apa yang mereka lakukan hanya berjuang untuk mendapat kepentingan diri saja, tanpa mempedulikan sama ada perbuatan mereka itu berasaskan kebenaran atau pun tidak.

Menurut beliau, paling ketara sekarang, parti DAP

lebih memainkan soal-soal perkauman sebagai daya tarikan mencari penyokong sementara parti PAS pula menggunakan isu agama hingga dengan sewenang-wenangnya menuduh orang itu dan orang ini kafir. Perdana Menteri berkata, pihak DAP menggunakan perkara-perkara perkauman tanpa sama sekali memikirkan kesan dari perbuatan itu walaupun hingga rakyat menjadi korban, kerana bagi mereka, biar rakyat terkorban asalkan perjuangan mereka berjaya. Sementara itu, parti PAS pula membuat bermacam-macam tuduhan tidak berasas hingga sanggup memberitahu akhbar-akhbar luar negeri kononnya di Malaysia semua parti Islam diharamkan oleh kerajaan dan tanpa mengetahui apa-apa, akhbar-akhbar yang mengakui mereka, akhbar-akhbar Islam pula melapor besar-besaran sambil mendakwa kononnya Kerajaan Malaysia menyiksa orang-orang Islam. Beliau sekali lagi menyeru setiap parti komponen Barisan Nasional supaya menyerang habis-habisan gejala-gejala sedemikian dan UMNO menentang PAS bukan kerana mereka parti pembangkang, tetapi kerana mereka menyalahkan agama Islam dengan memesongkan kepercayaan yang sebenar.